



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**8 JUN 2022**


---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 65 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 372,496 kes. Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 64 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 365,716 orang. Manakala 189 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 183 orang di hospital dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah tiga (3) orang di ICU/repurposed kritikal care dan satu (1) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Putatan bertukar dari zon jingga ke zon merah

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah
- Zon Kuning 19 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Merah empat (4) daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Angka jangkitan harian kekal tinggi dengan 65 kes baharu, dua (2) kes lebih tinggi berbanding angka semalam.
- b. Walaupun nisbah jumlah daerah yang mencatatkan penurunan dan pertambahan kes baharu adalah seimbang, terdapat beberapa perkembangan baharu yang perlu diambil perhatian oleh JKNS dan orang ramai. Jumlah daerah yang mencatatkan sekurang-kurangnya satu (1) jangkitan baharu telah bertambah daripada 11 daerah kelmarin kepada 14 daerah hari ini. Semalam 16 daerah ‘bersih’ daripada sebarang jangkitan sepanjang 24 jam sebelumnya, hari ini jumlah tersebut telah berkurangan kepada 13 daerah sahaja.
- c. Kota Kinabalu kekal penyumbang tertinggi kepada angka jangkitan harian di negeri ini, dan hari ini berjumlah 24 kes (-5). Sandakan mencatatkan kes baharu dua (2) angka dengan 15 jangkitan baharu, naik 12 kes. Putatan dan Penampang yang berada dalam zon kes dua angka kelmarin, hari ini kembali menurun kepada satu angka dengan masing-masing mencatatkan tujuh (7) dan empat (4) kes baharu sahaja.
- d. Satu lagi perkara yang perlu diambil perhatian oleh orang ramai ialah kadar jangkitan sporadik yang amat tinggi. Seramai 48 orang daripada 65 pesakit baharu (atau hampir 74%) telah dijangkiti virus COVID-19 melalui jangkitan sporadik. Kemungkinan besar jangkitan berlaku semasa menghadiri sambutan dan perayaan atau semasa berada di tempat-tempat penuh sesak dimana pematuhan SOP seperti pemakaian pelitup sudah longgar.
- e. Sebanyak 64 daripada 65 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2 sahaja serta satu (1) kes dalam Kategori 4.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

**a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:**

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	4	6.15%
3	Bergejala	48	73.85%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	13	20.00%
<b>JUMLAH</b>		<b>65</b>	<b>100%</b>

**b.**Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (7 Jun 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 7/06/2022	Catatan Kes 8/06/2022	Perbandingan
1	Sandakan	3	15	+12
2	Beaufort	0	3	+3
3	Tambunan	0	2	+2
4	Tuaran	1	2	+1
5	Pitas	0	1	+1
6	Kinabatangan	0	1	+1
7	Kota Marudu	0	1	+1
8	Kuala Penyu	0	1	+1
3	Kota Belud	1	1	Mendatar
10	Tawau	1	1	Mendatar
11	Kunak	0	0	Mendatar
12	Telupid	0	0	Mendatar
13	Tongod	0	0	Mendatar
14	Kalabakan	0	0	Mendatar
15	Semporna	0	0	Mendatar
16	Ranau	0	0	Mendatar
17	Lahad Datu	0	0	Mendatar
18	Keningau	0	0	Mendatar
19	Kudat	0	0	Mendatar
20	Beluran	0	0	Mendatar
21	Penampang	11	4	-7
22	Kota Kinabalu	29	24	-5
23	Putatan	10	7	-3
24	Papar	2	0	-2
25	Nabawan	1	0	-1
26	Tenom	1	0	-1
27	Sipitang	3	2	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>63</b>	<b>65</b>	<b>+2</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 961 unit.

- Hospital 923 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 19.67%.

**B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 8 JUN 2022**

## i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	63
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

## ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	63
Bukan Malaysia	2
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

## iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	3
Belum Menerima Vaksin (5-11)	0
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	7
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	22
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	33
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

## iii. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	1
1-4	2
5 -11	1
12-17	3
18-29	13
30-39	15
40-49	10
50-59	8
60-69	9
70-79	1
80-89	2
>90	0
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>

## C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 7 Jun 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 759 orang. Daripada jumlah ini, seramai 482 orang adalah penduduk dewasa, 0 orang adalah penduduk remaja dan 277 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 7 Jun 2022 adalah seramai 2,605,600 orang. Ini meliputi 2,136,217 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.64% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,492,673 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,089 orang atau 77.05% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,426 orang atau 78.94% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 320,696 atau 75.25% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 132,957 atau 32.32% orang telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 78,888 atau 19.18% orang.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**